

PERLINDUNGAN
AIA Infinite Prosperity

AIA | infinite

SATU JANJI YANG MELANGKAUI SEMPADAN DAN GENERASI



aia.com.my

1225

Polisi/Produk adalah TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM"). Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



AIA Bhd.
adalah ahli PIDM.

KEMAKMURAN YANG BERKEKALAN

Dalam dunia di mana kekayaan tidak mengenal sempadan, strategi kewangan anda seharusnya mencerminkan kebebasan dan pandangan jauh yang sama. Sama ada anda sedang membina portfolio global atau merancang untuk generasi yang akan datang, aspirasi anda wajar disokong dengan penyelesaian yang sofistikated dan berkekalan seperti visi anda.

Kini tibalah masa untuk mengambil kawalan—bukan sahaja terhadap pelaburan anda, tetapi juga terhadap legasi anda.

Anda menentukan bagaimana kekayaan anda berkembang, dengan akses kepada peluang pelaburan global dan mata wang asing yang kukuh seperti Dolar Amerika Syarikat (USD) dan Dolar Singapura (SGD). Anda memilih bagaimana ia dilindungi, memastikan ia tersedia apabila keluarga anda paling memerlukannya. Dan anda membentuk cara ia diwariskan, supaya legasi anda terus menyokong dan memberi inspirasi kepada generasi masa depan.

Kerana kemakmuran sebenar bukan sekadar tentang apa yang anda peroleh—ia tentang apa yang anda tinggalkan. Ia tentang membina asas yang mencerminkan nilai anda, memperkasakan orang tersayang, dan memberi kebebasan kepada mereka untuk berkembang.



Di AIA Bhd., kami percaya bahawa kekayaan anda seharusnya bukan sekadar berkembang—ia harus berkekalan, memberi inspirasi, dan memperkasakan merentas generasi.

Memperkenalkan AIA Infinite Prosperity
- satu penyelesaian yang dibina untuk Kekayaan Merentas Generasi, Disampaikan dengan Kekuatan Global.

Pelan eksklusif ini menawarkan pelan pelaburan berkaitan insurans yang didenominasikan dalam mata wang asing, tersedia dalam USD dan SGD, membolehkan anda mengekalkan serta mengembangkan kekayaan anda secara tempatan sambil menikmati manfaat daripada kekuatan kewangan global dan kestabilan mata wang.

Perjalanan anda ke arah membina kekayaan merentas generasi disokong dengan akses kepada dana-dana pelaburan global yang diurus secara profesional, insentif bonus yang memberi ganjaran untuk komitmen jangka panjang, serta proses pendaftaran yang lancar dan direka untuk menyesuaikan gaya hidup anda.



PERKASAKAN LEGASI ANDA DENGAN KEBEBASAN DAN MANFAAT YANG LEBIH BESAR



KEMBANGKAN KEKAYAAN ANDA DENGAN PILIHAN MATA WANG GLOBAL

- **Pelbagaikan dengan Yakin**
Kukuhkan portfolio anda dengan mata wang global—USD atau SGD sambil mengakses peluang kewangan antarabangsa.
- **Kekalkan Nilai Merentas Generasi**
Bantu melindungi kekayaan anda daripada turun naik mata wang tempatan, menyokong keselamatan kewangan jangka panjang dan perancangan legasi.



PERCEPATKAN POTENSI KEKAYAAN ANDA

- **100% Peruntukan Premium**
Setiap peluang pertumbuhan bermula dengan kekuatan kerana premium anda dilaburkan sepenuhnya dari hari pertama.
- **Bonus Kesetiaan¹**
Dapatkan ganjaran setiap 5 tahun polisi dengan bonus sehingga 1.0% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan—sepanjang hayat.
- **Bonus Pendorong¹**
Nikmati bonus satu kali sebanyak 10% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan—mempercepatkan lagi perjalanan kekayaan anda.

¹ Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk Ilustrasi Jualan, Lembaran Pendedahan Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut mengenai Bonus Kesetiaan dan Bonus Pendorong.



LEGASI DAN PEMINDAHAN KEKAYAAN MERENTAS GENERASI

Lindungi dan kembangkan kekayaan anda dengan fleksibiliti untuk mengekalkan serta mewariskannya dengan lancar merentas generasi.

- **Manfaat Kematian**
Terima sehingga 125% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi.
- **Pemilik Berturutan² dan Insured Berturutan²**
Lantik orang tersayang anda sebagai Pemilik Berturutan² dan Insured Berturutan², untuk menikmati kesinambungan polisi tanpa gangguan merentas generasi. Lakukan perubahan pada bila-bila masa—memberi anda kawalan sepenuhnya.
- **Pilihan Amanah Terbina dalam Polisi**
Bentuk legasi anda dengan penuh keyakinan—pilih untuk dibayar secara sekali gus atau dalam bayaran tahunan sehingga 10 tahun. Serahkan kepada AIA Bhd. untuk mengurus pengagihan kekayaan anda tanpa kos tambahan, memastikan hasrat anda dipenuhi dengan penuh perhatian, ketelusan, dan keyakinan.



MULAKAN PEMBINAAN KEKAYAAN ANDA DENGAN MUDAH

Nikmati pengalaman pendaftaran yang lancar dengan:

- Kelayakan umur penyertaan yang tinggi sehingga umur 80 tahun.
- Tawaran Isu Terjamin (GIO) tanpa ditaja jamin untuk perlindungan sehingga USD 2 juta/SGD 2.5 juta – Had tertinggi di pasaran³.
- Tawaran Isu Ringkas (SIO) dengan hanya 3 soalan kesihatan untuk perlindungan sehingga USD 4 juta/SGD 5 juta – Had tertinggi di pasaran³.

² Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut mengenai Pemilik Berturutan dan Insured Berturutan.

³ Maklumat adalah setakat 1 Januari 2026; berdasarkan perbandingan dengan produk insurans berkaitan pelaburan lain dengan pilihan mata wang asing di Malaysia.

AKSES KEPADA PELUANG PELABURAN BERTARAF INSTITUSI

Pelaburan ialah satu perjalanan; bukan sahaja anda memerlukan pengetahuan dan kepakaran, tetapi juga memerlukan masa dan pengalaman untuk melaksanakannya dengan baik. Walaupun membuat keputusan kewangan secara bersendirian boleh menjadi satu cabaran, namun dengan bimbingan profesional yang tepat boleh menjadikan perjalanan ini lebih yakin dan menguntungkan.

Dengan **AIA Infinite Prosperity**, anda boleh menikmati pelaburan yang mampan melalui akses kepada Dana-dana AIA Infinite, yang diurus oleh pasukan profesional kekayaan yang berdedikasi dan disokong oleh kepakaran **AIA Investments** — cabang pelaburan AIA Group, yang bertanggungjawab untuk menguruskan aset melebihi US\$305 bilion⁴.

Pilihan Pelaburan yang Pelbagai dengan Dana-dana AIA Infinite

Dana-dana AIA Infinite kami adalah direka dengan teliti bagi memenuhi matlamat serta tahap toleransi risiko anda. Setiap dana merangkumi gabungan strategik antara ekuiti dan pendapatan tetap asing, yang disasarkan untuk memberikan pulangan optimum dan kestabilan kewangan jangka panjang. Pilih daripada:

1. Dana USD/SGD Anchor AIA Infinite
2. Dana USD/SGD Growth AIA Infinite
3. Dana USD/SGD Fokus-Dividen AIA Infinite (dengan pilihan pelaburan semula atau pembayaran dividen)



Dana dividen pertama di pasaran Malaysia untuk produk insurans berkaitan pelaburan³ — Dana USD/SGD Fokus-Dividen AIA Infinite menawarkan akses kepada pelbagai strategi penjanaan pendapatan yang menarik dalam satu dana, dengan pilihan sama ada untuk melabur semula atau menerima pengagihan potensi suku tahun dividen⁵.

Anda juga mempunyai fleksibiliti untuk menukar kombinasi Dana-dana AIA Infinite mengikut keperluan anda yang berubah.

Kepakaran Kekayaan Global – Bekerjasama dengan yang Terunggul

Dengan Dana-dana AIA Infinite, pelaburan anda adalah diurus oleh rakan kongsi kami yang merupakan pengurus aset terkemuka di peringkat global, termasuk tetapi tidak terhad kepada Baillie Gifford, BlackRock, Capital Group dan Wellington Management. Rakan kongsi ini membawa kepakaran mendalam serta pandangan global untuk membantu mengembangkan dan melindungi kekayaan anda.

Baillie Gifford™

BlackRock™



WELLINGTON MANAGEMENT®

³ Maklumat adalah setakat 1 Januari 2026; berdasarkan perbandingan dengan produk insurans berkaitan pelaburan lain dengan pilihan mata wang asing di Malaysia.

⁴ Sumber: Laporan Tahunan AIA Group 2024.

⁵ Dana USD/SGD Fokus-Dividen AIA Infinite menyasarkan untuk mengagihkan dividen secara suku tahunan. Walau bagaimanapun, pengagihan dividen adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza mengikut keadaan pasaran, termasuk kemungkinan tiada pengagihan dalam tempoh tertentu. Sila rujuk risalah dana bagi Dana USD/SGD Fokus-Dividen AIA Infinite untuk maklumat lanjut.

Nota: Sila rujuk bahagian "Untuk Perhatian Anda" dalam brosur ini untuk pendedahan penting berkaitan dana. Untuk maklumat lanjut mengenai setiap dana, sila rujuk Lembaran Fakta Dana.

MENELITI MANFAAT YANG DISEDIAKAN



MANFAAT KEMATIAN

Jika berlaku kematian Insured, dan tiada Insured Berturutan yang dilantik dalam polisi, Manfaat Kematian akan dibayar seperti berikut:

Umur Penyertaan	Manfaat Kematian		
	Permohonan diterima di bawah Tawaran Isu Terjamin (GIO)		Permohonan diterima di bawah Tawaran Isu Ringkas (SIO)
	Tahun Polisi 1	Tahun Polisi 2 dan seterusnya	Tahun Polisi 1 dan seterusnya
14 hari sehingga 49 tahun	100% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi	125% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi	125% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi
50 tahun sehinga 80 tahun		105% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi	105% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi

Jika Insured Berturutan telah dilantik, polisi akan diteruskan dengan Insured Berturutan yang dilantik, yang akan menjadi Insured baru di bawah polisi.



BONUS-BONUS

a. Bonus Kesetiaan
Dapatkan ganjaran dengan Bonus Kesetiaan setiap 5 tahun polisi, seperti berikut:

Premium Tunggal		Bonus Kesetiaan
USD	SGD	
20,000 sehingga di bawah 300,000	25,000 sehingga di bawah 300,000	0.5% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan
300,000 dan ke atas		1.0% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan

b. Bonus Pendorong
Pada akhir tahun polisi ke-30, dapatkan ganjaran dengan Bonus Pendorong yang bersamaan dengan 10% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan.

- Nota:**
- 1. Semua bonus akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan anda dan akan dilaburkan sepenuhnya ke dalam dana / dana-dana pelaburan pilihan anda.
 - 2. Sila rujuk Ilustrasi Jualan, Lembaran Pendedahan Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut mengenai Bonus Kesetiaan dan Bonus Pendorong.



MANFAAT KEMATANGAN

Apabila Insured mencapai umur 120 tahun semasa polisi berkuat kuasa, dan jika tiada Insured Berturutan dilantik untuk polisi tersebut, Manfaat Kematangan akan dibayar seperti berikut:


Umur Penyertaan	Manfaat Kematangan
14 hari sehingga 49 tahun	125% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi
50 tahun sehingga 80 tahun	105% daripada Premium Tunggal yang dibayar atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi

Jika Insured Berturutan telah dilantik, polisi akan diteruskan dengan Insured Berturutan yang dilantik, yang akan menjadi Insured baru di bawah polisi.

SATU LEGASI YANG TERUS HIDUP, UNTUK GENERASI AKAN DATANG

Perancangan legasi sejati bukan sekadar tentang pengumpulan kekayaan; ia berkaitan dengan memelihara nilai-nilai hidup anda dan menjamin masa depan keluarga anda merentas generasi. Dengan **AIA Infinite Prosperity**, anda memperoleh kuasa untuk mencipta legasi yang berkekalan – bukan hanya untuk anak-anak anda, tetapi juga untuk generasi seterusnya.

Mark, berumur 50 tahun, seorang usahawan, memilih **AIA Infinite Prosperity** untuk membina kekayaan jangka panjang dan mewariskannya kepada anak perempuannya, Jessica yang berumur 20 tahun. Beliau membeli pelan ini dengan SGD 400,000 yang disertakan dengan perlindungan sebanyak SGD 420,000. Beliau telah memilih gabungan dana yang terdiri daripada 50% dalam Dana SGD Anchor AIA Infinite, 20% dalam Dana SGD Growth AIA Infinite, dan 30% dalam Dana SGD Fokus-Dividen AIA Infinite dengan pilihan pelaburan semula dividen.



⁵ Dana USD/SGD Fokus-Dividen AIA Infinite menyasarkan untuk mengagihkan dividen secara suku tahunan. Walau bagaimanapun, pengagihan dividen adalah tidak dijamin dan mungkin berubah mengikut keadaan pasaran, termasuk kemungkinan tiada pengagihan dalam tempoh tertentu. Sila rujuk risalah dana bagi Dana USD/SGD Fokus-Dividen AIA Infinite untuk maklumat lanjut.

⁶ Nilai akaun yang diunjurkan termasuk Bonus Kesetiaan dan Bonus Pendorong, di mana berkenaan. Bagi senario tinggi, unjuran tersebut mengandaikan kadar pulangan pelaburan sebanyak 5% setahun, manakala senario rendah mengandaikan kadar pulangan pelaburan sebanyak 2% setahun. Nilai akaun sebenar mungkin berbeza—sama ada lebih tinggi atau lebih rendah daripada nilai unjuran—bergantung kepada prestasi dana / dana-dana pilihan anda.

Nota:

1. Ilustrasi ini mengandaikan bahawa tiada pengeluaran separa dibuat, dan polisi kekal berkuat kuasa sepanjang tempoh perlindungan.

2. Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk, Ilustrasi Jualan, dan Lembaran Fakta Dana untuk maklumat yang lebih terperinci, atau berbincang dengan Perancang Hayat AIA untuk menyesuaikan pelan yang memenuhi keperluan anda.

SOALAN-SOALAN LAZIM

S: Apakah itu AIA Infinite Prosperity?
J: **AIA Infinite Prosperity** merupakan satu produk insurans berkaitan pelaburan Premium Tunggal yang didenominasikan dalam mata wang asing yang menawarkan perlindungan kepada kematian sambil membantu anda mengembangkan dan mengekalkan kekayaan anda.

Produk ini memberikan Bonus Kesetiaan, Bonus Pendorong dan Manfaat Kematangan untuk meningkatkan potensi pelaburan anda. Ia juga menyokong pemindahan kekayaan merentas generasi melalui pilihan Pemilik Berturutan dan Insured Berturutan, bersama Pilihan Wasiat Manfaat Kematian—membolehkan kesinambungan polisi dan memelihara legasi untuk orang tersayang anda.

Sila rujuk Ilustrasi Jualan, Lembaran Pendedahan Produk, Lembaran Fakta Dana dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

S: Apakah Premium Tunggal minimum dan maksimum bagi AIA Infinite Prosperity?
J: Premium Tunggal minimum dan maksimum bagi **AIA Infinite Prosperity** adalah seperti dalam jadual di bawah:

Umur Penyertaan	Minimum	Maksimum (Had setiap hayat)	
		GIO	SIO
14 hari sehingga 49 tahun	USD 20,000 / SGD 25,000	USD 500,000 / SGD 625,000	USD 1,500,000 / SGD 1,875,000
50 tahun sehingga 70 tahun		USD 2,000,000 / SGD 2,500,000	USD 4,000,000 / SGD 5,000,000
71 tahun sehingga 80 tahun		USD 1,000,000 / SGD 1,250,000	USD 3,000,000 / SGD 3,750,000

GIO merujuk kepada Tawaran Isu Terjamin dan SIO merujuk kepada Tawaran Isu Ringkas.

S: Siapakah yang layak untuk membeli AIA Infinite Prosperity?
J: **AIA Infinite Prosperity** terbuka kepada Insured dengan umur penyertaan antara 14 hari sehingga 80 tahun. Umur penyertaan minimum untuk pemilik polisi ialah 18 tahun.

S: Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?
J: i) **Kos Insurans**
Kos insurans akan ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun dan ia secara amnya meningkat apabila umur Insured meningkat.

ii) **Caj Perkhidmatan**
Caj perkhidmatan sebanyak USD / SGD 8 akan ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun.

iii) **Caj Perbelanjaan Polisi**
Caj perbelanjaan polisi akan ditolak setiap bulan daripada Nilai Akaun, bagi 5 tahun polisi pertama seperti berikut:

Tahun Polisi	1	2	3	4	5
% daripada Nilai Akaun dalam Akaun Perlindungan (setahun)	1.2%	1.2%	1.2%	1.2%	1.2%

iv) **Caj Pengurusan Dana**
Anda boleh merujuk Lembaran Fakta Dana dan Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut mengenai caj pengurusan dana.

v) **Caj Pengeluaran Separa**
Caj pengeluaran separa akan ditolak daripada jumlah amaun pengeluaran, jika anda membuat pengeluaran separa daripada Akaun Perlindungan dalam 5 tahun polisi pertama.

Tahun Polisi	1	2	3	4	5
% daripada Amaun Pengeluaran dalam Akaun Perlindungan	10%	10%	7.5%	5%	5%

vi) **Caj Serahan**
Caj serahan akan ditolak daripada jumlah nilai penyerahan, jika anda menyerahkan polisi dalam 5 tahun polisi pertama.

Tahun Polisi	1	2	3	4	5
% daripada Nilai Akaun	10%	10%	7.5%	5%	5%

Nota: Kos insurans dan yuran-yuran serta caj-caj lain bagi poduk ini adalah tidak dijamin. AIA Bhd. berhak untuk mengubah caj-caj ini dengan memberikan anda notis bertulis 3 bulan. Sekiranya berlaku perubahan tersebut, anda dikehendaki untuk membayar premium tokok bagi mengekalkan manfaat dan perlindungan polisi anda.

S: Adakah saya layak untuk menukar dana?
J: Ya, anda dibenarkan untuk menukar dana dalam mata wang yang sama mengikut tahap toleransi risiko anda. Penukaran dana kini adalah percuma. AIA Bhd. berhak untuk mengenakan / mengubah yuran dengan memberikan anda notis bertulis 3 bulan.

S: Bagaimana saya mengetahui harga unit dana-dana saya?
J: Harga unit bagi dana-dana pelaburan akan dipaparkan di laman web AIA Bhd. di www.aia.com.my.

S: Apakah pengecualian utama bagi AIA Infinite Prosperity?
J: Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana kemudian, tidak akan dilindungi. Dalam keadaan ini, kami akan memulangkan nilai akaun berdasarkan tarikh kematian tanpa faedah bersama dengan jumlah premium yang tidak diperuntukkan dan caj-caj polisi yang telah ditolak dari tarikh pengeluaran atau tarikh mula, yang mana kemudian.

Pengecualian ini juga terpakai kepada mana-mana Insured Berturutan yang mengambil alih peranan Insured.

UNTUK PERHATIAN ANDA

Pendedahan am

1. **AIA Infinite Prosperity** merupakan produk insurans berkaitan pelaburan Premium Tunggal yang didenominasikan dalam mata wang asing. Premium mesti dibayar dalam mata wang asing yang dipilih. Sebarang manfaat / bayaran juga akan dibayar dalam mata wang yang sama. Oleh itu, anda dan benefisiari anda dinasihatkan untuk mengekalkan akaun bank yang menerima mata wang asing yang dipilih. Jika manfaat / bayaran dipindahkan ke akaun bank yang tidak menyokong mata wang yang dipilih, bank mungkin menukar bayaran tersebut dengan kadar penukarannya sendiri, dan yuran-yuran serta caj-caj tambahan mungkin akan dikenakan.
2. Brosur ini hanya mengandungi ringkasan ciri-ciri utama produk ini dan adalah tidak menyeluruh. Ia tidak membentuk kontrak polisi. Anda digalakkan merujuk kepada Ilustrasi Jualan, Lembaran Pendedahan Produk dan Lembaran Fakta Dana untuk maklumat yang lebih lanjut mengenai produk ini sebelum membeli polisi serta merujuk kepada terma dan syarat di dalam kontrak polisi untuk penjelasan terperinci berkenaan ciri-ciri, manfaat dan pengecualian di bawah polisi. Anda juga boleh berbincang dengan Perancang Hayat AIA untuk maklumat lanjut mengenai produk.
3. Anda harus berpuas hati bahawa produk ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah jumlah yang anda mampu bayar.
4. Anda mempunyai hak untuk membatalkan polisi anda dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis. AIA Bhd. akan memulangkan Nilai Akaun pada tarikh penilaian selepas notis diterima dan diluluskan oleh AIA Bhd., bersama dengan premium yang tidak diperuntukkan dan caj-caj polisi lain yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan yang mungkin telah dikenakan. Notis tersebut mesti ditandatangani oleh anda dan diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh lima belas (15) hari selepas kontrak e-Polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerima polisi anda.
5. Anda tidak digalakkan untuk memegang polisi bagi jangka masa yang singkat memandangkan kos asal yang tinggi. Penamatan awal polisi ini mungkin memberi anda pulangan kurang daripada jumlah premium yang dibayar.
6. Produk ini menyediakan Perlindungan Terjamin Lima Tahun. Walau bagaimanapun, apabila Perlindungan Terjamin Lima Tahun dibatalkan, polisi anda akan luput jika Nilai Akaun tidak mencukupi untuk menampung kos insurans, yuran-yuran dan caj-caj lain.
7. Premium yang dibayar untuk produk ini mungkin melayakkan anda mendapat pelepasan cukai peribadi, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
8. Ia mungkin tidak berfaedah untuk bertukar daripada satu pelan insurans kepada pelan yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada syarat-syarat taja jamin yang baru dan tempoh menunggu bagi pelan baharu.
9. **Ini adalah produk insurans yang dikaitkan dengan prestasi aset-aset pendasar, dan bukannya produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

Pendedahan berkaitan dana


1. Anda seharusnya maklum bahawa sebarang pelaburan mempunyai tahap risiko pelaburan tertentu yang ditanggung oleh anda sepenuhnya. Sila rujuk kepada lembaran fakta dana di <https://www.aia.com.my/bm/about-aia/financial-investment-info/investment-linked-funds.html> untuk keterangan lanjut.
2. Nilai akaun polisi anda adalah tidak dijamin dan berubah-ubah berdasarkan prestasi Dana Pelaburan AIA. Anda menanggung sepenuhnya risiko apabila melabur dalam dana-dana ini. Prestasi masa lalu dana bukanlah petunjuk prestasi masa depannya.
3. Aset asas setiap dana dinilai pada setiap hari perniagaan untuk menentukan harga seunit.
4. AIA Bhd. berhak untuk menggantung penerbitan atau penebusan unit dalam sebarang keadaan luar biasa seperti penutupan sementara mana-mana Bursa Berdaftar yang berkenaan atau kesan negatif yang mungkin dialami daripada jualan umum pelaburan dalam jangka masa yang singkat.

TENTANG AIA MALAYSIA

AIA Malaysia ialah sebahagian daripada AIA Group, kumpulan insurans hayat pan-Asia yang tersenarai secara awam dan bebas terbesar. Bersama-sama, AIA Bhd., AIA PUBLIC Takaful Bhd., AIA General Berhad dan AIA Pension dan Asset Management Sdn. Bhd. telah berkhidmat kepada rakyat Malaysia selama lebih 75 tahun.

Sebagai salah satu penyedia insurans dan takaful terkemuka di negara ini, AIA Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian konvensional dan patuh syariah yang inovatif serta komprehensif termasuk Hayat dan Kesihatan, Takaful Keluarga, Manfaat Pekerja, Motor, Kemalangan Peribadi, Gadai Janji, Insurans Komersial serta skim Persaraan yang memenuhi keperluan kesihatan, kekayaan dan perlindungan pelanggan pada setiap peringkat hayat.

Melalui rangkaian pusat khidmat pelanggan di seluruh negara, pasukan yang terlatih terdiri daripada lebih 2,400 pekerja, serta rangkaian pengedaran yang berdedikasi dan pelbagai yang merangkumi 16,000 tenaga Perancang Hayat, rakan bank yang eksklusif, pasukan jualan koporat dan broker, AIA Malaysia terus komited dalam bekerjasama dengan 5.2 juta pelanggannya; menyokong dan membantu mereka untuk Hidup Lebih Sihat, Lebih Lama, dan Lebih Baik.



(MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)

HUBUNGI KAMI & DAPATKAN MAKLUMAT LANJUT

Sila berhubung dengan Perancang Hayat AIA / Wakili Sah AIA jika anda mempunyai apa-apa soalan. Kami sentiasa bersedia untuk membantu.



Ditaja jamin oleh:



Dikuasakan oleh:

AIA | infinite

AIA Bhd. 200701032867 (790895-D)
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300-88-1899
Tel : 03-2056 1111

AIA.COM.MY

AIA Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.